






NAMA: _____

KELAS: _____

TAJUK: DAYA DAN KESANNYA

NOTA:

1. **Daya** ialah tarikan atau tolakan yang bertindakbalas ke atas suatu objek.
2. **Daya tarikan** ialah daya yang menggerakkan objek mendekati kita.
3. **Daya tolakan** ialah daya yang bergerak menjauhi kita.
4. Daya tidak dapat dilihat tetapi kesannya boleh dirasakan atau dilihat.
5. 5 **kesan daya** ialah:

a. Daya mengubah bentuk objek. 	b. Daya mengubah arah pergerakan objek 	c. Daya memberhentikan objek yang sedang bergerak 
d. Daya menggerakkan objek pegun 	e. Daya mengubah kelajuan objek 	

LATIHAN: Klik ruang jawapan untuk pilih jawapan.

1. Daya ialah _____. (TP1)
2. Daya yang menjauhi objek daripada kita ialah daya _____.
3. Daya yang mendekati objek kepada kita ialah daya _____.
4. Nyatakan **kesan daya** terhadap objek dalam aktiviti berikut. (TP2)

	Aktiviti	Kesan daya
a	Noor memukul bola yang pegun menggunakan kayu hoki.	
b	Kugan menangkap bola yang dibaling ke arahnya	
c	Rose memukul bulu tangkis yang bergerak ke arahnya.	
d	Raju menguli adunan roti canai.	

5. Nyatakan **daya** yang terlibat dalam aktiviti berikut:
 - a. Memakai sarung kaki: _____
 - b. Memicit tiub ubat gigi: _____
 - c. Memotong kayu menggunakan gergaji tangan: _____
 - d. Bermain piano: _____
 - e. Mengepam tayar menggunakan pam tangan: _____

Disediakan oleh: Cikgu Dahlia Sake/ SK Karamunting